

Jurutera komputer tangani cabaran norma baharu

Program di UTP sentiasa penuh keperluan industri, jurutera prinsipal

Penularan pandemik COVID-19 menjejaskan hampir semua aspek kehidupan di seluruh dunia.

Pada masa sama, peranti digital dan saluran perhubungan berasaskan teknologi dilihat menjadi medium untuk memacu semula sektor ekonomi dalam norma baharu.

Aktiviti urus niaga tanpa tunai, penghantaran automatik, pementauan kesihatan jarak jauh dan pertemuan secara maya juga membuktikan dunia sedang menuju masa depan digital.

Kepesatan teknologi ini sedikit sebanyak turut dipengaruhi oleh kemajuan terkini dalam rangkaian berkelajuan tinggi 5G, kecerdasan buatan (AI), autonomi robotik, revolusi industri 4.0 (IR4.0) dan analisis data besar.

Jika dahulu istilah ini jarang digunakan, tetapi sekarang ia adalah realiti baharu masa depan.

Situasi ini secara tidak langsung menjadikan profesion jurutera komputer mendapat permintaan dalam dunia normal baharu.

Pakar Kejuruteraan Komputer, Pembina Sistem Terbenam dan Pereka Sistem Pengawasan, Ir Dr Patrick Sebastian, berkata Program Kejuruteraan Komputer di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dilihat mampu melahirkan jurutera yang mahir mengendalikan generasi sistem akan datang.

Beliau berkata, pakar industri

di UTP bersedia melatih pelajar untuk menggabungkan keupayaan perkakasan elektronik, program perisian dan sistem integrasi yang membolehkan kelancaran perhubungan antara perkakasan serta perisian.

"Mengambil kira prospek sedia ada, sistem ini juga berupaya mewujudkan agen kecerdasan buatan yang menjadikan produk dan servis berasaskan AI seperti penghantaran bungkusan barang melalui dron dapat dilaksanakan," katanya.

Selain itu, penggabungan beberapa program kelas langsung pula membolehkan pelajar menguasai kemahiran bahasa pengaturcaraan seperti C/C++, R, Python dan Apache Spark untuk diimplementasikan dengan analisis data dan visualisasi digital.

Program pengajian UTP sentiasa memenuhi keperluan industri



Program Kejuruteraan Komputer di UTP menyediakan peluang kerjaya dalam pelbagai bidang.



Ir Dr Patrick Sebastian

dan jurutera prinsipal daripada syarikat terkemuka tempatan serta multinasional bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan sebaiknya mengenai trend dan perkembangan terkini industri.

Sinonim dengan kejayaan melahirkan graduan terbaik dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, UTP sehingga hari ini, terus menerima permintaan bagi memenuhi keperluan industri, terutama dalam bidang kejuruteraan komputer.

Justeru, rebutlah peluang untuk mengikuti Program Kejuruteraan Komputer di UTP bagi memastikan kehidupan normal baharu menjadi lebih baik.

Maklumat lanjut mengenai program pengajian yang ditawarkan di UTP, sila layari <https://admission.utp.edu.my/> atau terus berhubung dan dapatkan lebih informasi mengenai UTP di GetConnected2UTP.